

09/07/2001

Agenda masa depan BN untuk kemakmuran negara

Kadir Dikoh

JADIKAN Barisan Nasional (BN) sebagai parti tunggal untuk satu bangsa Malaysia. Itulah antara gagasan menarik yang disaran dan dikupas dalam konvensyen BN selama sehari di ibu negara, kelmarin.

Isu itu bukan baru dan pernah diutarakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini. Tetapi apabila Perdana Menteri meluahkannya sekali lagi pada ucapan dasar di depan semua 13 pemimpin parti gabungan itu, ia sudah menjadi satu gagasan rasmi - agenda BN bagi jangka panjang.

Lebih 3,000 perwakilan di konvensyen itu bertepuk tangan apabila Dr Mahathir merangkap Pengerusi BN mengutarakan persoalan terbabit. Malah, beberapa presiden parti yang membahaskan ucapannya turut menyokong idea itu, tetapi meminta supaya ia tidak diadakan secara tergesa-gesa.

"Satu parti? Sudah bersediakah rakyat Malaysia untuk bergabung dalam satu parti. Bagaimana pula nasib kaum minoriti dalam sebuah parti yang besar itu nanti?," kata seorang pemimpin kanan dari Sabah.

"Itulah Dr Mahathir. Pandangan dan wawasannya luar biasa, menjangkau 10 atau 20 tahun ke depan. Anda tentu masih ingat, apabila Perdana Menteri nak buat kereta Proton dulu, semua orang geleng kepala kerana mustahil negara yang majoriti orang Melayu boleh buat kereta sendiri," kata seorang lagi rakannya ketika berbual di meja makan selepas konvensyen itu berakhir.

Bermula dari situlah, ada orang mula mengaitkan langkah membenarkan kaum Cina terdiri daripada bekas ahli parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) Sabah yang dibubarkan baru-baru ini, untuk menyertai Umno Sabah - sebagai perintis peringkat awal ke arah pembentukan sebuah parti BN tunggal.

Mungkin ada yang tidak senang dengan langkah itu, tetapi rasionalnya boleh diterima oleh generasi akan datang, kata seorang pemerhati.

Mungkin Dr Mahathir sendiri tidak sempat untuk melihat terbentuk satu parti BN nanti, tetapi ia bukan sesuatu yang mustahil boleh diwujudkan dalam tempoh seawal 10 atau 20 tahun mulai sekarang.

Ketika itu nanti, semua rakyat Malaysia pelbagai kaum, akan bangga mendabik dada sebagai bangsa Malaysia yang bernaung di bawah satu parti BN. Mungkin tiada lagi isu tuntutan daripada kaum tertentu mengenai hak masing-masing.

Tiada lagi kuota bagi kemasukan Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), tiada lagi kuota bagi ekonomi negara di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Tiada lagi pihak yang memainkan sentimen perkauman. Semuanya sebagai bangsa Malaysia.

Jika mana-mana pihak asing mahu menekan Malaysia, semuanya akan berdiri teguh sebagai anak Malaysia mempertahankan negara. Jika ada kuasa asing mahu menghasut kaum tertentu, semua akan senada untuk memeranginya.

"Tiada lagi biasiswa untuk pelajar Bumiputera yang miskin? Tiada lagi bantuan kepada peniaga Bumiputera? Semua bangsa Malaysia akan menjadi sama rata?," tanya seorang perwakilan BN.

Namun, Dr Mahathir menyedari semua hakikat itu apabila dalam ucapan itu beliau berkata, bahawa usaha ke arah menjadikan BN sebagai sebuah parti tunggal bangsa Malaysia akan mengambil masa kerana tindakan itu juga memerlukan usaha menaikkan ekonomi semua kaum supaya sama taraf. Katanya, dengan persamaan itu, kecurigaan di antara kaum dapat dikurangkan.

Namun, ketika penggulungan perbahasan pada akhir konvensyen itu, Dr Mahathir berkata, usaha itu perlu dilakukan melalui proses evolusi, dan bukan revolusi.

"Adalah lebih baik kita melangkah dengan perlahan asalkan kita mencapai matlamat kita daripada gopoh dan cuba melompat ke depan. Kita mungkin jatuh, tempang dan patah kaki. Semua pemimpin parti komponen ingin menentukan bahawa bangsa Malaysia ini dapat dibentuk secepat mungkin.

"Cadangan penubuhan BN sebagai satu parti dan tidak lagi parti gabungan telah diterima, tetapi masing-masing berpendapat bahawa kita tidak harus mencuba merapatkan BN dan menjadikan sebuah parti BN dengan cara tergesa-gesa. Sebaliknya, kita perlu membentuk BN ini melalui proses evolusi dan bukan revolusi dan inilah cara yang terbaik bagi kita," katanya.

Tidak dapat dinafikan bahawa selama ini, kerjasama erat di antara parti komponen lebih terserlah pada pilihan raya atau dalam acara tertentu. Selepas itu, masing-masing bagaikan membawa haluan sendiri. Lebih parah, apabila ada di kalangan parti komponen menikam rakan dari belakang pada pilihan raya, termasuk 'meletakkan calon bebas' atas niat yang mereka sendiri ketahui.

Usaha perlu dilakukan mulai sekarang jika mahu menjadikan BN sebagai parti tunggal. Mereka perlu bekerjasama sepanjang masa pada semua peringkat. Mereka perlu mengadakan lebih banyak mesyuarat bersama dan tidak hanya tertumpu kepada mesyuarat parti masing-masing. Mereka harus lebih menitikberatkan kaum lain, bukan kaumnya saja.

Satu lagi isu yang diutarakan ialah supaya BN mengubah pendekatan untuk menambat hati generasi muda. Ini berikutan generasi yang dilahirkan selepas merdeka, dikatakan mempunyai persepsi berbeza terhadap kerajaan, BN dan pemimpinnya. Mereka adalah generasi yang bakal memimpin BN. Mereka inilah penentu sama ada matlamat menjadi sebuah parti tunggal BN itu, berjaya atau gagal.

"Inilah kepercayaan mereka, generasi yang baru ini. Sebab itu kita lihat bahawa minat mereka untuk menyokong BN, untuk menerima prinsip kerjasama ala-BN ini sudah berkurangan. Mereka tidak lagi percaya kepada kerjasama antara kaum, bahkan mereka lebih utamakan kaum masing-masing. Mereka berada berasingan di sekolah, di universiti dan juga mereka berada berasingan selepas mereka mula bekerja," kata Dr Mahathir.

Mungkin konvensyen BN tidak begitu menarik berbanding Perhimpunan Agung Umno, kerana kurangnya orator berkebolehan yang boleh menyebabkan perwakilan tercuai hati, gelak, marah, bersemangat atau menangis. Namun, Presiden parti-parti komponen yang berucap tetap berjaya membawa mesej tersendiri dengan pelbagai idea diutarakan.

Kemunculan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, ketika menyampaikan ucapan balas, sedikit sebanyak menceritakan keadaan dengan gaya tersendiri termasuk menyelitkan ungkapan sindiran atau berjenaka.

Barangkali konvensyen BN akan datang perlu diadakan lebih lama, sekurang-kurangnya dua tiga hari bagi membolehkan perwakilan, selain Presiden parti berucap, yang mungkin mewakili suara generasi muda sebagai pemimpin pelapis dalam parti masing-masing. Sudah pasti antara mereka ini ada orator yang baik dengan idea lebih bernas.

Seperti juga pada Perhimpunan Agung Umno, konvensyen BN tetap menjadikan parti pembangkang sebagai sasaran kritikan mereka. Mungkin tidak ramai yang menyerang Pas berbanding dengan perwakilan pada perhimpunan Umno, tetapi matlamatnya sama iaitu BN adalah pilihan tepat.

Malah, kejayaan BN mengadakan kerjasama antara kaum sejak dicetuskan oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj melalui Perikatan, turut menarik perhatian pembangkang sehingga mereka meniru ala-BN melalui gabungan empat parti dikenali sebagai Barisan Alternatif (BA).

Namun, perwakilan di konvensyen BN menyangkal ia bukan barisan alternatif atau pilihan. Malah, Dr Mahathir menyifatkan gabungan terdiri daripada Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan), dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) itu sebagai 'barisan tiruan' kerana cuba meniru corak

kerjasama yang diamalkan BN.

Bercakap pada sidang akhbar di akhir konvensyen itu, Dr Mahathir berkata, konvensyen itu menampakkan semangat perpaduan bangsa Malaysia yang masih kukuh antara parti-parti komponen BN dengan semua pihak menekankan betapa pentingnya BN merapatkan barisan serta bekerjasama dengan lebih erat lagi.

"Saya dapati bahawa konvensyen ini berjalan dengan baik dan ada semangat bangsa nasional yang nyata sekali. Nampak jelas semangat BN masih kuat dan kukuh dalam hati tiap-tiap seorang pemimpin dan anggota BN. BN akan mengadakan perjumpaan lebih kerap untuk menggerakkan jenteranya secara lebih agresif pada semua peringkat cawangan dan bahagian.

"Pada masa yang sama kita perlu mengadakan sekretariat yang lebih cergas dan pusat untuk mendapatkan maklumat berkenaan BN. Sekiranya semangat perpaduan antara komponen BN dikekalkan seperti itu, gabungan parti itu akan terus maju dan boleh terus menguasai kerajaan pada masa depan," katanya.

(END)